

Mahathir mahu tanah-tanah wakaf dimaju

LANGKAWI 7 Mac - Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu tanah-tanah wakaf di seluruh negara dimajukan dengan projek-projek yang memberi faedah ekonomi, bukan dijadikan tanah perkuburan sahaja.

Katanya, tanah-tanah itu hendaklah dimajukan dengan projek-projek pembangunan seperti tempat kediaman, pusat perniagaan dan lain-lain yang boleh memberi pulangan dari segi ekonomi.

Menjawab soalan pemberita di sidang akhbar sebelum bertolak balik ke Kuala Lumpur selepas merasmikan penubuhan Sekolah Latihan Penerbangan Mofaz Air di sini, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak ada kuasa untuk mengarah jabatan-jabatan agama Islam memajukan tanah-tanah tersebut kerana ia bukan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Laporan akhbar semalam menyebut tanah wakaf bernilai lebih \$500 juta di seluruh negara kini terbiar tanpa dibangunkan oleh jabatan-jabatan agama Islam.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir

percaya para pegawai jabatan agama Islam yang diberi tanggungjawab untuk menjaga kepentingan tanah-tanah wakaf tersebut tidak akan membiarkan keadaan tanah-tanah itu terbiar sampai bila-bila.

Sebaliknya ia hendaklah dibangunkan mengikut peredaran zaman supaya mendapat hasil ekonomi yang dapat memberi faedah kepada umat Islam, katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun mengakui bahawa soal tanah-tanah wakaf itu adalah suatu persoalan yang rumit tetapi yakin ia dapat dibangunkan selaras dengan kehendak pembangunan negara.

Beliau percaya mereka yang mewakafkan tanah-tanah itu tidak mahu melihat tanah-tanah tersebut terbiar begitu sahaja sebaliknya mahu ia dimajukan untuk faedah orang ramai, ujarnya.

"Kita tak boleh biarkan tanah-tanah wakaf itu terbiar begitu sahaja. Kita mesti bangunkan mengikut peredaran masa. Takkan nak biarkan tanah-tanah itu terbiar sampai tahun 2000, 2500 atau sampai tahun 3000," tegasnya.